



No Rujukan : PMM.JHEPP-600.2/1 JLD ( )  
Tarikh : 6 Mei 2021

Saudara/Saudari

**KEHADIRAN SEMULA PELAJAR SECARA FIZIKAL KE KAMPUS BAGI PELAKSANAAN PRAKTIKAL, BENGKEL, MAKMAL, STUDIO DAN KERJA LAPANGAN DI POLITEKNIK MERLIMAU (PMM)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana sedia maklum, surat bertarikh 9 Februari 2021 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah berkaitan kemasukan semula pelajar secara fizikal ke kampus bagi 6 kategori pelajar berkeperluan. Sehubungan itu, sesi perkuliahan secara fizikal di Kampus PMM bagi pelaksanaan praktikal, bengkel, makmal, studio dan kerja lapangan di PMM **bermula pada 27 Mei 2021 secara berperingkat**.
3. Untuk makluman, **Surat Pelepasan Perjalanan Rentas Daerah/Negeri Sempena Cuti Perayaan Aidilfitri** boleh di muat turun melalui <http://www.jheppmm.com/ezymohon/>. Sayugia diingatkan, sebagaimana Kenyataan Media KPT bertarikh 29 April 2021, **pergerakan pulang pelajar ke kampus hanya menggunakan dua (2) kaedah iaitu menggunakan kenderaan sendiri atau dihantar oleh ibu bapa atau penjaga (terhad maksima 3 orang satu kenderaan)**. Pergerakan melalui kenderaan awam **tidak dibenarkan** kecuali perkhidmatan penerbangan.
4. Sehubungan itu, bagi pelajar yang menginap di Kolej Kediaman, kaedah penghantaran pelajar adalah secara **Pandu Lalu** melalui kenderaan masing-masing dan **ibu bapa atau waris tidak dibenarkan sama sekali keluar daripada kenderaan**. Hanya pelajar sahaja dibenarkan menurunkan barang di tempat yang disediakan dan berurusani di **Pejabat Kolej Kediaman bermula 8.30 pagi - 12.30 tgh hari dan 2.30 petang - 4.30 petang**.
5. Para pelajar yang terlibat kembali ke Kampus (rujuk Penasihat Akademik) dikehendaki melaksanakan **Pengasingan Diri (Self-Isolation)** selama **10 hari menerusi aplikasi PolyCcDec sebaik sahaja berada di Kamsis / Rumah Sewa** sebagaimana jadual tarikh lapor diri mengikut Jabatan Akademik di bawah;

JABATAN AKADEMIK	TARIKH LAPOR DIRI PELAJAR DI KAMSIS / RUMAH SEWA *(Tempoh 10 Hari Pengasingan Diri Diwajibkan Di Kamsis / Rumah Sewa)	TARIKH PELAKSANAAN KULIAH SECARA BERSEMUKA/HIBRID *(Paparan Aplikasi PolyCcDec 20/20)
JPH, JKE & JP	17 Mei 2021	27 Mei 2021
JKA, JKM & JP	18 Mei 2021	27 Mei 2021

6. Pihak PMM memandang serius usaha kerajaan dalam menangani wabak virus Covid 19 di negara ini. Sehubungan itu, para pelajar **dikehendaki melaksanakan SOP yang ditetapkan sebelum dan semasa berada di PMM seperti berikut:**

- a. Pelajar dikehendaki melengkapkan **Deklarasi Kesihatan** menerusi aplikasi PolyCcDec 2 kali sehari mengikut tempoh masa berikut:
  - i. Masa daftar masuk: 11.00 pagi – 1.00 petang
  - ii. Masa daftar keluar: 6.00 petang – 8.00 malam
- b. Pelajar perlu menjalani Proses **Pengasingan Diri (Self-Isolation) di Kamsis / Rumah Sewa** selama 10 hari dan melaksanakan daftar masuk dan keluar sepanjang menjalani Kuarantin Diri menerusi aplikasi PolyCcDec sebelum mengikuti pelaksanaan Kuliah secara Bersemuka/Hibrid (**Wajib 20/20 paparan deklarasi Pengasingan Diri**).
- c. Sebelum memasuki kawasan kampus, pelajar perlu **mempamerkan paparan Maklumat Pengisytiharan PolyCcDec** kepada Pengawal Keselamatan sebagai bukti pematuhan kepada Deklarasi Kesihatan PMM. Hanya pelajar yang sihat dan tiada risiko sahaja dibenarkan masuk.
- d. Pelajar yang mempunyai kontak rapat, bergejala Covid-19, berstatus *Person Under Investigation (PUI)*, *Person Under Surveillance (PUS)*, atau berada dari kawasan PKPD **tidak dibenarkan** kembali ke Kampus PMM sehingga bebas dan sihat sepenuhnya.
- e. Pergerakan keluar, masuk dan lokasi yang dikunjungi di setiap premis PMM perlu direkodkan menerusi aplikasi **MySejahtera**.
- f. Pelajar diingatkan hendaklah sentiasa **mengamalkan pemakaian pelitup muka, pematuhan penjarakan fizikal, elakkan bersentuhan dan pematuhan SOP** sepenuhnya sepanjang berada di PMM.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan para pelajar boleh berhubung terus dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar ditanian 06-2636687 / 011-56944427.

Sekian, terima kasih.

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”**

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**Ts. ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN**

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

b.p Pengarah

Politeknik Merlimau